

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SEU325 - Perancangan Ekonomi dan Analisis Projek

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini. Mesin kira elektronik tak berprogram boleh digunakan.

Jawab Soalan 1 di Bahagian A dan DUA (2) soalan di Bahagian B.

Bahagian A


Soalan 1 WAJIB dijawab.

Soalan 1 (60 markah)

Jawab semua soalan berikut (a – j).

- (a) Terangkan bagaimanakah Coase Theorem dapat menentukan paras pencemaran alam sekitar yang optimum?
- (b) Sebuah projek pembangunan diselesaikan dengan kos sebanyak RM 1 juta. Jika projek itu dapat memberikan faedah sebanyak RM100 ribu setahun selamanya, apakah nilai bersih kini atau NPV projek itu jika kadar diskaun sebanyak 8% setahun digunakan?
- (c) Apakah kadar pulangan dalaman atau IRR bagi projek pembangunan di dalam soalan (b) di atas?
- (d) Dengan pelaburan asal sebanyak \$8 yang dapat mencapai pulangan 8% setahun selama 15 tahun, apakah nilainya selepas genap 15 tahun?
- (e) Jika pelaburan asal anda yang bernilai \$50,000 telah naik menjadi \$150,000 selepas 5 tahun, apakah kadar pulangan setahun pelaburan itu?
- (f) Dengan pelaburan asal sebanyak 5 ribu ringgit yang dapat memberi pulangan pada kadar 8% setahun, berapa lamakah masa pelaburan itu diperlukan supaya menjadi 50 ribu ringgit.

- (g) Antara beberapa projek awam yang terletak di atas keluk utiliti kemungkinan dan keluk konstrain, yang mana satukah harus dipilih untuk pelaksanaan? Tentukan A, B, C atau D.



- (h) Keluk permintaan penggunaan lebuh raya setahun merupakan

$$Q = 100000 - 2000 C$$

di mana Q adalah bilangan kereta setahun dan C merupakan beberapa ringgit kos perjalanan. Secara purata kos menjalankan kereta adalah RM10 sejam. Jika tiada tol dikenakan, berapakah bilangan kereta yang akan menggunakan lebuh raya ini setiap tahun?

- (i) Merujuk kepada soalan (h), jika tol sebanyak 20 sen dikenakan, berapa banyak hasil tol dapat dikutip setiap tahun?
- (j) Takrifkan
- i) lebihan pengguna
 - ii) harga bayangan
 - iii) barang awam

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan dalam bahagian ini

Soalan 2 (20 markah)

- a) Apakah maksud sebuah pelan? Berikan takrifan dan bincangkan.
- b) Sejauh manakah kesan-kesan seperti agihan pendapatan, harga barang, produktiviti pekerja, galakan pelaburan, pertumbuhan ekonomi dan sebagainya dapat dikawal melalui pelaksanaan pelan.

Soalan 3 (20 markah)

- a) Pada tahun 1990 anda telah membeli sekeping tanah dengan harga RM100 ribu. Tanah itu dipajak kepada seorang pengusaha bagi tempoh sepuluh tahun dengan sewa RM10 ribu setahun. Pada tahun 1994 sebelum tempoh pajak selesai pengusaha itu ingin membeli tanah itu daripada anda dan menawarkan harga sebanyak RM110 ribu untuk tanah itu. Buat analisis yang menunjukkan sama ada keuntungan atau kerugian terhadap pelaburan yang telah anda buat pada tahun 1990 itu.
- b) Sebuah projek membina jambatan menggunakan bahan-bahan seperti berikut.

	<u>kos tempatan</u>	<u>nisbah perakaunan (AR=β)</u>
bahan tempatan:	RM300 ribu	1/1
bahan import:		
keluli	RM700 ribu	1/2
jentera	RM800 ribu	1/4
komponen khas	RM200 ribu	1/5
dawai	RM100 ribu	1/3

Apakah kos melepasi projek itu jika dinilai dengan pertukaran wang asing di sempadan sebagai numeraire (iaitu numeraire Bank Dunia)? Tetapkan mana-mana andaian yang anda buat.

Soalan 4 (20 markah)

Anda telah ditugaskan mengkaji faedah cadangan memperluaskan pengeluaran industri pakaian yang sedang dimajukan di sebuah ekonomi. Maklumat berikut disampaikan kepada anda.

- i) Sehelai pakaian memerlukan 4 pekerja tidak mahir sehari dan 1 pekerja mahir dan 0.2 unit jentera.
- ii) Kadar upah harian pekerja mahir dan tidak mahir adalah RM25 dan RM10 masing-masing.
- iii) Corak penggunaan pekerja mahir adalah 80% untuk barang import dan 20% untuk barang tempatan. Corak penggunaan pekerja tidak mahir adalah 15% untuk barang import dan 75% untuk barang tempatan.
- iv) Harga-harga semasa adalah seperti berikut:

Pakaian (harga tempatan)	RM60 seunit
Jentera (import; harga dunia)	US\$50 seunit
Barang penggunaan tempatan (harga tempatan)	RM400 seunit
Barang penggunaan import (harga dunia)	US\$40 seunit

- v) Tarif bagi jentera yang diimport adalah 50% dan untuk barang penggunaan yang diimport adalah 100%.
- vi) Kadar pertukaran rasmi (OER) adalah US\$1 = RM2.50

Apakah faedah bersih untuk ekonomi itu bagi seunit pakaian yang dikeluarkan untuk pasaran eksport?

Soalan 5 (20 markah)

Pemintaan tahunan penggunaan sebuah jambatan untuk melintasi sebatang sungai merupakan $Q = 2,000,000 - 5,000C$ di mana kos perjalanan C adalah sebanyak RM20. Dengan pembinaan sebuah jambatan baru, kos perjalanan dapat diturunkan menjadi RM10. Kos untuk pembinaan yang akan berlangsung selama 4 tahun adalah seperti berikut: RM1 juta pada tahun awal dan RM500 ribu, RM300 ribu dan RM200 ribu untuk tahun-tahun yang berikutan. Jika kadar diskaun adalah 10% setahun apakah faedah bersih projek membina jambatan itu? Jambatan baru akan dibuka selepas itu dan faedah tahunan melalui pengurangan kos melintas sungai itu akan diperolehi untuk selama-lamanya.